

# Perkasa kepengikutan elak ketandusan pemimpin pelapis

Oleh Saiful Ezane Mazlan  
bhrencana@bh.com.my



Perunding Latihan Kanan, Kluster Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

**Tinjauan** Forum Ekonomi Dunia (WEF) pada 2015 mendapati 86 peratus responden berpandangan terdapat isu dalam kepemimpinan di dunia ketika itu. Sememangnya ia tinjauan enam tahun lalu, tetapi bagaimana pula keadaannya kini?

Isu dalam kepemimpinan kerap diperkatakan, tetapi apakah ia semata-mata persoalan itu secara harfiah? Bagaimana pula dari perspektif kualiti pengikut kepada pemimpin?

Menurut Prof Robert Kelley dari Universiti Carnegie Mellon, Amerika Syarikat (AS), sesebuah organisasi berdiri atau jatuh bergantung bukan sahaja kepada seberapa hebat pemimpinnya,

bahkan seberapa hebat pengikutnya.

Hubungan antara pemimpin dengan pengikut berkualiti boleh diibaratkan seperti penyerang dan pertahanan pasukan bola sepak. Jika penyerang berjaya menjaringkan 10 gol sekalipun, namun pertahanannya dibolosi 11 gol, pasukan itu tetap dikira kalah.

Ahli Falsafah Yunani, Aristotle berkata: "Dia yang tidak boleh menjadi pengikut baik, tidak akan menjadi pemimpin baik."

Kita kerap melihat program pembangunan dalam sektor awam atau swasta lebih menumpukan aspek kepemimpinan, tetapi jarang-jarang didengari fokus terhadap aspek kepengikutan diberikan.

Malah, penulisan dan kajian ilmiah mengenai kepengikutan juga tidak sebanyak dalam bidang kepemimpinan. Mungkin hal kepengikutan ini tidak seghah seperti kepemimpinan. Namun, masyarakat perlu diberi kesedaran mengenai kepentingan mempunyai pengikut berkualiti.

Dalam *Kitab Syadzaraat al-Dzahaab*, Sayidina Ali Abi Thalib RA pernah ditanya: "Mengapa pada masa

Sayidina Abu Bakar RA dan Sayidina Umar RA menjadi khalifah, keadaannya tertib dan tenang, namun pada masa kamu dan Sayidina Uthman RA menjadi khalifah, keadaannya tidak teratur?"

Ali menjawab: "Sesungguhnya pada masa Abu Bakar dan Umar menjadi khalifah, mereka didukung orang seperti aku dan Uthman, sedangkan masa aku dan Uthman menjadi khalifah, pendukungnya ialah orang seperti kamu."

Riwayat ini boleh ditafsirkan kepemimpinan hebat sahaja tidak mencukupi. Ia perlu didukung dengan mempunyai pengikut berkualiti.

“Perancangan pembangunan pemimpin pelapis perlu dilaksanakan secara terperinci di negara ini”

Peribahasa Inggeris ada menyebut, seekor ikan akan membusuk daripada kepala ke bawah. Ertinya, kepemimpinan ialah punca kegagalan organisasi, manakala pepatah Arab menyebut, rakyat baik akan menghasilkan pemimpin baik.

Formula mudahnya, apabila kita mempunyai ramai pengikut berkualiti dan hebat, maka kumpulan bakat pelapisnya adalah besar untuk memilih bakal pemimpin pada masa hadapan.

Kita boleh memilih terbaik antara terbaik, bukannya terbaik antara terburuk. Buktinya, jika dilihat pada zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin, selama 30

tahun selepas Nabi Muhammad SAW wafat, pemimpin umat Islam berganti tanpa sebarang masalah pelapis.

Malah, tiada pergolakan dalam perebutan kuasa dan jawatan khalifah sepanjang tiga dekad itu, walaupun sifat personaliti setiap khalifah berbeza antara satu sama lain. Begitulah berkualitinya tahap pengikut atau pelapis pemimpin sebelumnya.

Perancangan pembangunan pemimpin pelapis perlu dilaksanakan secara terperinci di negara ini. Ia bagi memastikan negara tidak akan ketandusan bekalan pemimpin berkualiti masa hadapan.

Jenis pengikut boleh menentukan pemimpin bakal ada, sekali gus menjadi situasi timbal balik. Sewajarnya, pembangunan kepengikutan boleh dipertingkatkan dijadikan modul teras dalam program kepemimpinan perkhidmatan awam.

Hakikatnya, jika diambil dalam konteks perkhidmatan awam, apakah kita mahu dilihat sebagai timbalan pengarah atau pengaruh menunggu? Mana satukah konotasinya bersifat negatif?

Dari sudut mendepani cabaran pandemik COVID-19, kepemimpinan diterajui kerajaan, terutama perkhidmatan awam tidak akan membuahkan apa-apa hasil kejayaan jika tidak dituruti kepengikutan berkesan.

Adalah tidak adil sekiranya setiap permasalahan dituding semata-mata kepada faktor kepemimpinan. Harus diingat, janganlah kita menjadi pengikut membara rebah.

Piramid hierarki sesebuah organisasi akan berat di sebelah bawah. Ini bermakna jumlah pengikut berbanding pemimpin lebih ramai. Sewajarnya fokus pembangunan kepengikutan hendaklah turut diberi tumpuan.

Dalam perkhidmatan awam, program seperti pelan penggantian ada dilaksanakan untuk mengenal pasti pegawai sejak di gred pertengahan bagi mengisi jawatan strategik. Pegawai ini akan didedahkan dengan peranan kepemimpinan sejak peringkat awal lagi. Namun, peranan mereka sebagai pengikut berkesan juga hendaklah diterapkan.